

12 APR 2000

Parlimen - Gulung (Luar Negara)

SINGAPURA CEMBURU KEMAJUAN MALAYSIA, KATA NAZRI

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Perasaan cemburu Singapura terhadap kemajuan Malaysia sehingga negara ini dianggap sebagai ancamannya merupakan antara faktor hubungan dua hala kadangkala menghadapi masalah, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Nazri Aziz yang menggulung perbincangan Belanjawan 2000 bagi pihak Kementerian Luar berkata, Singapura menganggap Malaysia sebagai pesaing manakala kemajuan negara ini pula merupakan ancamannya.

"Sudah tentu kalau dia rasa terancam, sekali sekala dia akan lakukan sesuatu supaya kita tidak fokus apa yang kita nak buat," katanya.

Umpamanya, kata Nazri, Singapura merasa terancam dengan tindakan Malaysia membina pelabuhan sendiri menyebabkan negara ini tidak lagi menggunakan pelabuhannya.

Pada sesi perbincangan sebelum itu, beberapa penyokong kerajaan menggesa Kementerian Luar bersikap tegas dengan Singapura yang didakwa sering menimbulkan masalah kepada hubungan dengan Malaysia.

Antara anggota yang membangkitkan soal hubungan dengan Singapura itu ialah Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong), Datuk Dr Jalamuddin Jarjis (BN-Rompin), Datuk Mohd Ali Hasan (BN-Tebrau) dan Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Ganding) manakala Lim Hock Seng (DAP-Bagan) meminta penyokong kerajaan tidak terlalu emosional membincangkan perkara berkenaan.

Bulan lepas, Strait Times Singapura menerusi penulisnya Chua Lee Hoong, mempersoalkan kenapa Malaysia tidak menukar perdana menteri sedangkan negara-negara Asia lain seperti Jepun, Thailand dan Filipina telah berbuat demikian.

Nazri bagaimanapun berkata, hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura secara keseluruhannya adalah baik walaupun terdapat beberapa masalah yang timbul dari semasa ke semasa.

Beliau berkata, Malaysia sentiasa mengutamakan sikap terbaik-terbaik dengan negara-negara jiran termasuk Singapura dan menyelesaikan masalah yang timbul berasas dialog dan rundingan.

"Hubungan dua hala ini ada masa naik, ada masa turunnya, walau bagaimanapun kita akan terus ambil pendekatan yang mendatangkan manfaat antara kedua-dua negara yang memerlukan semangat kerjasama dan keikhlasan," katanya.

Nazri berkata hubungan kedua-dua negara perlu dikendalikan secara bijaksana bagi mengelak timbulnya kesan serius.

Malaysia menganggap sebagai positif hubungannya dengan Singapura kerana republik itu merupakan rakan dagangan dan pelabur terbesar di kalangan negara-negara Asean, katanya.

Pada tahun lepas, jumlah dagangan antara Malaysia dengan Singapura ialah RM80 bilion manakala pelaburan negara itu di sini ialah sebanyak RM1 bilion.

Mengenai artikel negatif yang disiarkan akhbar Strait Times Singapura itu, beliau berkata, Malaysia telah mengemukakan bantahan melalui Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura dan melalui Pesuruhjaya Tinggi Singapura di sini serta kepada akhbar berkenaan.

Nazri berkata, walaupun ada kalanya tindakan oleh kerajaan menampakkan seolah-olah ia terlalu mengalah kepada Singapura, tetapi hakikatnya kerajaan Malaysia tidak pernah tunduk kepada kemahuan mereka.

"Bila mereka hendak beli air mentah dari kita, dia minta air dari Sungai Johor. Kita kata tak boleh, kita nak jual air yang dah dirawat atau kita jual air dari Sungai Sedili, tapi dia tak nak," katanya.

Mengenai isu kerajaan Singapura yang tidak membenarkan pekerja Semenanjung Malaysia mengeluarkan caruman dari Central Provident Fund (CPF)

di republik itu sedangkan kebenaran diberikan kepada pekerja yang berasal dari Sabah dan Sarawak, Nazri berkata itu adalah cubaan jelas Singapura untuk membezakan penduduk negara ini dengan mengatakan bahawa Sabah dan Sarawak tidak termasuk dalam Malaysia.

Manurutnya setakat ini dianggarkan RM2.26 bilion wang pekerja Malaysia yang tersimpan dalam CPF di Singapura dan tidak dibenar dikeluarkan walaupun mereka telah berhenti berkhidmat di republik itu.

"Tidak lama dulu, Perdana Menteri Goh Chok Tong dalam pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berkata Singapura bersedia melonggarkan syarat-syarat pengeluaran CPF bagi membolehkan penyimpan mengeluarkan wang mereka selama dua tahun secara ansuran.

"Tetapi, katanya ia hanya akan dilakukan selepas persetujuan menyeluruh mengenai pakej rundingan dicapai di antara kedua-dua negara. Maknanya dia nak suruh kita selesaikan dulu kes air, barulah nak bercakap tentang duit orang," katanya.

Sebab itu, sekarang walaupun ada mesyuarat antara menteri dari kedua-dua negara, ia hanyalah sekadar memenuhi syarat untuk berjumpa, katanya.

"Kita dah tahu taktik dia. Kita tak akan tunduk dalam hal ini. Inilah masalah kita dengan Singapura," kata Nazri.

-- BERNAMA

nha mai